

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (SETEMPAT)

TARIKH: 27 SEPTEMBER 2017

MUKA SURAT: 44

Shah Alam: Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bersiap siaga sepenuhnya dengan sembilan helikopter bagi misi bantuan menghadapi musim tengkujuh tahun ini.

Ini termasuk menggerakkan helikopter itu di Akademi Bomba dan Penyelamat Wakaf Tapai, Terengganu yang berfungsi sebagai pusat penempatan sementara operasi banjir di pantai timur tanah air.

Penolong Ketua Pengarah Bahagian Udara JBPM, Mohd Yunos Abu berkata, pihaknya berharap urusan penerimaan helikopter AW-189 itu dipercepatkan untuk di-

Sedia 9 helikopter hadapi bah



MOHD Yunos memeriksa perbarisan pada Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-19 Pangkalan Udara JBPM Subang.

gunakan ketika menjalankan operasi itu kelak.

“Unit udara meletakkan

semua helikopter dalam keadaan sentiasa bersedia dalam menghadapi banjir

yang biasanya berlaku pada hujung tahun.

“Kami juga mempunyai pangkalan di Bertam, Pulau Pinang yang akan mengawal selia negeri di utara dan juga Kelantan. Pangkalan di Miri, Sarawak akan pula mengawal selia di negeri itu dan Sabah. Pangkalan di Subang pula akan menyelia kawasan di Semenanjung, tengah dan selatan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis penyerahan tugas antara pegawai komander Leftenan Kolonel Zulkifri Yahya yang bersara dan Leftenan Kolonel

Rosli Hashim di Pangkalan Udara JBPM Subang, dekat sini, semalam.

Menurut Mohd Yunos, pihaknya setakat ini memiliki tujuh helikopter di seluruh negara.

Dalam pada itu, beliau berkata, pihaknya menerima pelbagai bantuan kemanusiaan termasuk mengangkut organ manusia untuk pemindahan.

“Ia elemen baru dalam Unit Udara JBPM yang turut memberi khidmat kemanusiaan untuk pesakit dan mengangkut organ manusia di hospital kerajaan. Operasi itu memerlukan masa dan tindak balas yang pantas,” katanya.